

# Harga sugar glider mampu cecah belasan ribu ringgit seekor

**Azrul Affandi  
Sobry**

azr@bharian.com.my



**Z**ON larangan haiwan peliharaan! Itu antara mesej yang selalu dipamerkan di banyak lokasi sebagai amaran kepada pemilik atau pencinta haiwan supaya tidak membawa masuk haiwan ke dalam premis berkenaan.

Selalunya, lokasi seperti pusat beli belah, kedai makan, hotel dan pejabat sangat bertegas dengan larangan ini. Misalnya, kita tidak pernah berjumpa orang dukung anjing atau kucing sambil berjalan-jalan di Mid Valley.

Tidak pernah juga kita melihat orang membawa kucing ke pejabat. Belum pun sempat masuk ke pejabat, sudah pasti pengawal keselamatan lebih awal menghalaunya. Agak pelik jika ada yang berani melanggar arahan itu.

Namun, sebenarnya sudah ada yang berani 'melanggar' larangan itu. Kini, selalu kelihatan ada orang yang membawa haiwan eksotik dikenali sebagai *sugar glider* berkecilan di sekitar tubuh badannya.

Mereka yang membela haiwan ini tidak pula risau mengenai larangan itu. Ada yang selamba membiarkan haiwan itu bertenggek di bahu ketika memasuki pasar raya dan ada yang lebih berani membawanya ke mana saja termasuk ke pejabat.

Jika khuatir dengan tindakan pengawal keselamatan, mereka bijak menyembunyikan haiwan itu seperti dengan meletakkannya dalam poket baju atau beg sandang kecil yang dicipta khusus untuk

haiwan kecil ini.

Kebetulannya pula, haiwan comel ini memang suka meringkuk di tempat gelap serta sempit. Oleh kerana itulah ada yang menggelarnya sebagai haiwan poket. Ada yang sekadar meletakkannya dalam poket seluar selama berjam-jam tanpa disedari.

Kini, haiwan itu yang yang baru menembusi minat pencinta haiwan negara ini pada sekitar 2009 sudah menjadi fenomena. Dulu, ramai yang terpinga-pinga pelik dengan kemandirian haiwan itu yang tidak kisah bermain di badan tuannya sepanjang hari. Kini, ia sudah dianggap biasa.

Keunikan haiwan yang dikategorikan sebagai haiwan 'marsupial' atau dalam keluarga kanggaru ini ialah kerana mempunyai karakter, perasaan dan segala sifat yang paling manis untuk seekor binatang peliharaan yang kecil.

Memilih untuk memeliharanya sebenarnya menambah satu lagi komitmen kerana haiwan ini sangat unik. Keunikan utamanya ialah ia sangat manja dan perlukan perhatian. Percaya atau tidak yang haiwan ini boleh mati jika kesunyian!

Sanggupkah kita berdepan dengan komitmen seperti menjaga kanak-kanak berusia tiga tahun. Kadangkala seronok melayan kerenahnya yang suka mencuri perhatian, namun kadangkala boleh menyebabkan rasa menyampah jika kita kurang sabar.

Pelajar kolej, Noraini Hamzah, 24, berkata sifat yang ada pada *sugar glider* inilah yang menambat hatinya kerana meskipun terpaksa memberikan sepenuh komitmen pada haiwan ini, ia memberi kepuasan terutama apabila haiwan itu sudah mengenali tuannya.

"Harganya? Dulu ketika saya mula-mula mengenali haiwan ini, saya beli yang biasa saja iaitu sekitar RM200 ke RM300 seekor. Ketika itu haiwan ini tidak begitu popular. Rupa-rupanya haiwan ini ada pelbagai variasi lain yang harganya mencecah hingga belasan ribu ringgit seekor.

"Oleh kerana mahu memiliki variasi, saya bekerja ketika belajar untuk mengumpul duit. Kini, saya memiliki dua variasi *sugar glider* yang bernilai RM17,000. Memang orang pelik kalau mendengarnya tetapi itu semua kerana minat dan sukakan karakter haiwan ini.

"Menariknya, saya bebas membawanya ke bilik kuliah. Letak saja dalam beg kecil atau biarkan ia bermain di atas meja. Tidak ada sesiapa yang marah, malah semua orang suka kerana ia sangat comel dan jinak," katanya.

*Sugar glider* berasal dari Indonesia, New Guinea, New Zealand dan Australia. Kebanyakan *sugar glider* yang diambil sebagai binatang peliharaan di Malaysia berasal dari Indonesia kerana kebanyakan negara lain tidak membenarkan *sugar glider* dieksport.

Mereka adalah haiwan yang berjaga malam dan menghabiskan kebanyakan waktu siang untuk tidur. *Sugar glider* dewasa berukuran seperti seekor tupai terbang iaitu antara lima ke tujuh inci panjang daripada hujung hidung ke hujung badan (tidak termasuk ekor).

Membela *sugar glider* ada cabaran. Ada ketikanya senang dan ada ketikanya susah. Senang kerana jika ia sudah kenal tuannya, ia tidak akan lari kerana menganggap tuannya sebagai pelindung dirinya. Susah pula kerana terlalu banyak larangan yang perlu difahami untuk membolehkan haiwan ini hidup lama.



*Kajian oleh beberapa pakar veterinar juga mengesahkan tidak ada penyakit yang dibawa haiwan ini seperti kencing tikus oleh hamster*

**Affrie Shah Hanipah**  
Penternak sugar glider



Masakan tidak, meskipun harga untuk jenis biasa sekitar RM250 saja, ia sebenarnya sudah dianggap mahal untuk haiwan sekecil ini. Maklumlah, jika kucing biasa pun tidak semahal itu. Apa lagi jika memilih untuk membeli jenis variasi yang boleh juga mencecah puluhan ribu ringgit.

Antara variasi yang popular dan mahal ialah *White Face Blonde*, *Creamino*, *Mosaic Ringtail*, *Mosaic*, *Leucistic* dan *Albino*. Semua jenis ini jarang diperolehi di negara ini kecuali perlu mengimportnya dari luar negara.